

Masih terkilan dengan Tommy

Terkilan dengan tuduhan yang dilemparkan terhadap dirinya dan suami

MUHAMMAD SHAMSUL
ABD GHANI

SHAH ALAM

Peguam keluarga anggota bomba dan penyelamat (JBPM) Subang Jaya, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, Syazlin Mansor masih menyimpan rasa terkilan dengan Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas.

Menurut Syazlin, beliau terkilan dengan tuduhan yang telah dilemparkan terhadap dirinya dan suaminya yang merupakan bekas Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Terkilan itu masih ada kerana ia bukan tuduhan yang kecil-kecil dan memberi kesan kepada integriti dan

kerjaya saya.

"Apa pun keputusan dalam inkues ia tidak akan memberi kesan terhadap apa yang telah dilakukan terhadap saya dan suami," katanya ketika menjadi panel dalam program *Sinar Live* di ibu pejabat *Sinar Harian* di sini semalam.

Ditanya sama ada beliau berhasrat bertemu dengan Peguam Negara, Syazlin berkata, tiada keperluan untuk beliau berbuat demikian.

Jelas beliau, ia adalah perkara biasa bagi seorang peguam yang mengendalikan kes jenayah.

Dalam pada itu, Syazlin berkata, dia kini sudah boleh menarik nafas lega setelah perjuangannya selama hampir setengah tahun menemui titik noktahnya pada Jumaat lalu.

Katanya, keputusan Mahkamah Koroner benar-benar membebaskan lelah dan bebanan yang ditanggungnya selama ini setelah pelbagai rintangan yang terpaksa ditempuhinya sepanjang pembabitannya dalam memperjuangkan kes Allahyarham Adib.

"Alhamdulillah saya sudah boleh menghela nafas lega.

"Bagi saya, ALLAH lah yang menggerakkan hati semua dalam membantu dan memudahkan



Syazlin (kiri) ketika menjadi panel dalam program *Sinar Live* di Shah Alam semalam.

kami dalam berhadapan dengan kes Allahyarham Adib ini," katanya.

Sementara itu, menyentuh mengenai perasaan hibanya ketika keputusan mahkamah berkenaan diumumkan, katanya, dia memang berasa sangat sebak ketika itu.

"Kalau ikutkan sebagai seorang peguam sepatutnya kita tidak merasakan apa-apalah.

"Apa-apa keputusan sama ada memihak atau tidak memihak, sepatutnya kita terima sebab itu adalah keputusan mahkamah terima dengan reda tapi pada saat itu saya tak dapat lari daripada perasaan

sebak untuk kes ini sahaja banyak rintangan yang telah dilalui begitu susah payah, bila dapat keputusan itu rasa sangat-sangat bersyukur memang rasa alhamdulillah akhirnya keadilan untuk arwah dan keluarga," katanya.

Menurutnya, beliau terpengil untuk membantu keluarga Adib kerana merasakan 'mereka perlu dibantu'.

"Sebenarnya saya tak rasa saya seorang wira, saya rasa ini tanggungjawab, saya rasa tak ada lagi sumbangan lagi yang boleh saya berikan kepada arwah, ini kemahiran saya dan gunakan kemahir-

an dengan ilmu undang-undang yang saya ada ini untuk membantu arwah, tapi saya tak tahu kenapa saya terpenggil untuk membantu," ujarnya.

Katanya, pertolongan yang diberikan kepada keluarga Adib selama ini ialah percuma.

"Memang percuma saya tidak hantar bil kepada keluarganya dan pihak berkaitan," katanya.

Kematian Allahyarham akibat daripada tindakan jenayah sekumpulan individu yang tidak dikenali.

Mahkamah Koroner Rofiah Mohamad membuat keputusan itu selepas prosiding perbicaraan memakan masa 41 hari.

Imbas kod QR untuk rakaman penuh FB live ini



atau layari
<https://www.youtube.com/watch?v=vSghXgvpWWE>